

01 JUN 1997

IT-Kempen (Dengan gambar)

KEMPEN "IT UNTUK SEMUA" PERLU UNTUK GALAKKAN PENGETAHUAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

KUALA LUMPUR, 1 Jun (Bernama) -- Kempen "IT Untuk Semua" diperlukan bagi mempromosikan Teknologi Maklumat (IT) di seluruh negara dan meletakkan Malaysia setaraf dengan negara-negara "kaya maklumat" atau yang telah maju di dalam sektor itu.

Ketua Pembangkang Lim Kit Siang yang mengulangi seruannya itu hari ini berkata kempen sedemikian penting bagi merapatkan jurang antara golongan kaya maklumat dan golongan yang miskin maklumat di negara ini.

"Saya menyokong konsep MSC (Koridor Raya Multimedia) sebagai satu tapak ujian bagi penggunaan teknologi baru dan era budaya digital, tetapi langkah berani ini hanya akan berjaya jika ia membabitkan penglibatan penuh seluruh rakyat Malaysia," kata beliau ketika melancarkan buku tulisan beliau berjudul "IT For All" di sini.

Lim, yang juga Setiausaha Agung DAP, berkata penggunaan Internet perlu digalakkan di kalangan rakyat negara ini dengan menghapuskan perasaan takut kepada komputer di kalangan orang ramai.

"Jika kita serius untuk menyaksikan kejayaan MSC serta menjadikan Malaysia sebagai sebuah masyarakat bermaklumat, kita perlu mempunyai Agenda IT Kebangsaan yang memberikan keutamaan kepada usaha untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang celik komputer," kata beliau.

Lim berkata negara ini perlu meletakkan sasaran tahap celik komputer antara 90 hingga 100 peratus di kalangan rakyatnya dengan sebahagian besar daripada mereka memiliki kemahiran yang tinggi di dalam sektor itu.

Sebelum itu, ketika melancarkan buku berkenaan, Speaker Dewan Rakyat Tan Sri Zahir Mohamed Ismail berkata Lim telah berusaha keras untuk menggalakkan penggunaan IT di dalam persidangan Parlimen.

"Seorang penganalisis politik mengulas dengan sinis bahawa Lim ialah seorang penyokong kuat Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad di dalam sektor IT," kata beliau.

Buku itu terbahagi kepada dua bahagian, bahagian pertama menyentuh mengenai teknologi maklumat manakala bahagian kedua sebahagian besarnya mengandungi petikan ucapan-ucapan beliau di Parlimen.

Yang turut hadir pada majlis itu Presiden Dewan Negara Tan Sri Mohamed Yaakob.

-- BERNAMA

NI MZ AHH